

**ENCIK ZAQY MOHAMAD, PENGERUSI, BULAN BAHASA  
2013, DI PELANCARAN BULAN BAHASA MELAYU 2013,  
SABTU, 7 SEP JAM 2.00 PTG DI RIVER ROOM, MUZIUM  
TAMADUN ASIA**

*Ibarat si logam perak berharga,  
Putih jernih luar biasa;  
Menghias kata santun dijaga,  
Warisan temurun anak bangsa.*

Selamat datang ke pelancaran Bulan Bahasa 2013.

*(Audience Clap)*

Yang terhormat, Encik Lawrence Wong, Pemangku Menteri  
Kebudayaan, Masyarakat dan Belia.

Yang saya muliakan, Encik Masagos Zulkifli Masagos  
Mohamad, Menteri Negara Kanan, Ehwat Luar merangkap  
Ehwat Dalam Negeri, yang juga Pengerusi, Majlis Bahasa  
Melayu Singapura.

Para anggota Majlis Bahasa Melayu Singapura

Tuan-tuan dan puan-puan.

1. Bulan Bahasa adalah antara usaha paling penting dalam menyemarakkan Bahasa Melayu di negara ini.
2. Kempen Bulan Bahasa tahun lalu mendapat banyak maklum balas membina daripada orang ramai.

Reaksi positif mereka, mendorong saya untuk berbuat lebih baik lagi bagi Bulan Bahasa tahun ini.

3. Maka itu, Bulan Bahasa 2013 akan menyaksikan satu siri kegiatan intensif selama dua hari yang berkaitan dengan Bahasa Melayu, di Muzium Tamadun Asia.

4. Malah, kegiatan menarik seperti persembahan hip hop, demonstrasi silat, pameran artifak Melayu, peraduan pantun, perlawanan bola sepak bakal diselangi dengan pelbagai acara masyarakat.

Semua ini selaras dengan tema Bulan Bahasa 2013, iaitu Ilmu, Budaya dan Mesra.

5. Saudara saudari yang budiman,  
Bulan Bahasa 2013, dengan penuh azam, mengajak kita menggunakan Bahasa Melayu untuk tujuan meraih dan menyampaikan ilmu.

Usaha ini juga mahu memasyarakatkan kemurnian adab dan budaya Melayu.

Itulah yang dimaksudkan dengan tema Ilmu dan Budaya.

Ketiga, iaitu Mesra – bermaksud mahu memperkukuh kemesraan sesama kita.

Jadi, Bahasa Melayu sebagai bahasa 'Ilmu, Budaya, Mesra' menjulang betapa pentingnya bahasa Melayu – iaitu bahasa jiwa saya dan anda - dalam segenap kehidupan kita.

6. Saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian anda semua kepada semangat dan kesungguhan para anggota dan sukarelawan Bulan Bahasa.

Untuk kempen tahun ini, mereka menyingsing lengan dan berganding bahu bergotong royong untuk mewujudkan program-program yang bermutu.

Itulah yang berlaku di belakang tabir demi sama-sama menghasilkan sesuatu untuk masyarakat.

Inilah yang dikatakan 'dari masyarakat, untuk masyarakat'.

Mari kita berikan tepukan gemuruh untuk ahli dan sukarelawan Bulan Bahasa 2013.

*(audience applause)*

7. Inilah obor semangat gotong royong kita dalam memperjuangkan dan menghidupkan Bahasa Melayu kita di Singapura.

Saya harap semangat ini akan terus teguh dan mekar bak bunga yang harum.

8. Saya juga ingin mengambil kesempatan menjunjung budi beberapa individu serta rakan penyokong yang menjadikan Bulan Bahasa 2013 satu kejayaan.

9. Pertama sekali, ribuan terima kasih kepada Encik Masagos Zulkifli, Pengerusi MBMS dan kesemua Anggota Majlis, atas sokongan padu mereka kepada saya dan para ahli jawatankuasa Bulan Bahasa.

10. Kedua, setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua anggota jawatankuasa saya.

Sebenarnya, ramai daripada mereka seperti Puan Julina Khusaini, Puan Aidli Mosbit, Puan Rahayu Mahizan and Encik Art Fazil, telah berkorban masa dan semata-mata demi memastikan segala-galanya berjalan lancar. Saya juga tidak lupa anggota Sekretariat kita dari NHB seperti Puan Jennifer Yin, Puan Trudy Loh dan Encik Khalid Supandi yang juga telah banyak membantu.

Malah, ramai juga yang mengorbankan pagi minggu mereka turun padang Pasar Geylang Serai mengedarkan risalah kempen Bulan Bahasa lalu dan turut mengacarakan program sampingan.

Ini semua pengorbanan tidak bergaji, demi memperjuangkan warisan kita - iaitu Bahasa Melayu kita.

11. Kemudian, jambangan terima kasih kami kepada Lembaga Warisan Negara NHB, khususnya Muzium Tamadun Asia kerana berkongsi wadah bagi pelancaran Bulan Bahasa 2013 ini.

12. Akhir kata, jika tadi ucapan ini dimulakan dengan pantun Melayu, sebagai penutupnya, ingin saya akhiri dengan lima peribahasa Melayu yang melambangkan tema Bulan Bahasa iaitu Ilmu, Budaya, Mesra :

***Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas***

***Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah,***

***Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya***

***Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing,***

***Jiran sepakat membawa berkat***

13. Para hadirin sekalian, semoga dengan sulaman rangkaian semangat dari peribahasa tersebut, Bulan Bahasa akan terus semarak, kini dan masa depan!

Terima kasih.